




LAWAT: Taufiq (dua kanan) bersama Prof Dr Murnizam (kanan) melawat Perpustakaan UMSKAL, Rabu lalu.



MENGIRINGI: Prof Dr Murnizam (kiri) mengiringi lawatan Taufiq sambil diperhatikan Zamri (kanan) di kolej kediaman pelajar UMSKAL.



CENDERAMATA: Prof Dr Murnizam (kanan) menyampaikan cenderamata kepada Prof Datuk ChM. Dr Taufiq Yap Yun Hin sambil diperhatikan Zamri (kiri) selepas Majlis Perjumpaan Naib Canselor UMS Bersama Warga UMSKAL di Dewan Theatrette.



GAMBAR KENANGAN: Kakitangan Perpustakaan UMSKAL tidak melepaskan peluang bergambar kenangan bersama Prof Datuk ChM. Dr Taufiq Yap Yun Hin (tiga kiri), Prof Dr Murnizam (tiga kanan) dan Zamri (dua kiri).

# 'Perlu komited jalankan tugas, amanah'

Seratus kakitangan UMSKAL hadiri perjumpaan bersama dengan Naib Canselor UMS

4B.31/01/20 5

LABUAN: Kira-kira 100 kakitangan menghadiri Majlis Perjumpaan Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Prof Datuk ChM. Dr Taufiq Yap Yun Hin bersama warga UMS Kampus Antara-bangsa Labuan (UMSKAL), di Dewan Theatrette pada Rabu lalu.

Turut hadir Pengarah UMSKAL Prof Dr Murnizam Haji Halik dan Timbalan Pendaftar Kanan UMSKAL Zamri Mohamad Tuah.

Majlis yang julung kali ini diadakan itu bertujuan memberi ruang dan peluang kepada Prof Datuk ChM. Dr Taufiq Yap Yun Hin menyampaikan dasar-dasar UMS kepada warga UMSKAL yang terdiri daripada pegawai, pensyarah dan kakitangan sokongan.

Beliau berharap warga UMSKAL akan terus menjalankan tugas dan amanah dengan penuh tanggung-jawab yang akhirnya akan memberi manfaat kepada universiti.

"Kita mesti komited menjalankan tugas yang dia manahkan dan memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada pelajar dan masyarakat di Wilayah Persekutuan Labuan," katanya.

Terdahulu, Prof Datuk ChM. Dr Taufiq Yap Yun

Hin mengadakan perjumpaan bersama pengurusan UMSKAL yang diketuai Prof Dr Murnizam Haji Halik dan Zamri Mohamad Tuah di Bilik Seminar Kiamsam.

Hadir sama pada perjumpaan itu ialah Dekan Fakulti Kewangan Antara-bangsa Labuan (FKAL) Prof Madya Dr Mohamad Rizal Abdul Hamid.

Pada sebelah petang, Prof Datuk ChM. Dr Taufiq Yap Yun Hin meninjau kemudahan di kolej kediaman pelajar, Dewan Kuliah Pusat (DKP) dan Perpustakaan.

Beliau berharap semua kemudahan itu dapat dijaga dengan baik manakala pihak pengurusan UMS akan berusaha menambah baik dan menaik taraf beberapa lagi kemudahan termasuk lif untuk digunakan oleh pelajar, kakitangan dan pelawat universiti.

Taufiq ketika menyampaikan ucapan kepada warga UMSKAL berharap mereka akan bekerja dengan gembira, mengamalkan sikap toleransi, hormat-menghor mati, berakhlik mulia dan sentiasa membantu antara satu sama yang lain.

Pada masa sama, beliau mahu pensyarah menghasilkan penerbitan dan penye lidikan yang terbaik dan dapat dikongsi dengan pihak

lain sekali gus membantu memperkenalkan UMS ke peringkat lebih tinggi.


"Ahli akademik juga perlu menjalankan hubungan yang baik dengan universiti antara bangsa termasuk menghadiri persidangan atau seminar yang berkualiti," katanya.

Beliau juga mengingatkan warga universiti agar tidak berkongsi atau menyebarkan maklumat yang tidak sahih yang hanya akan menyusahkan diri dan universiti secara keseluruhannya.

Taufiq juga memuji usaha UMSKAL mewujudkan Pusat Autisme Labuan yang dapat membantu golongan yang memerlukan sekali gus membuktikan keprihatinan kita terhadap masyarakat di Wilayah Persekutuan

Labuan.

"Sebagai sebuah gedung ilmu, kita kena prihatin dengan keperluan masyarakat di sekeling kita. Penubuhan Pusat Autisme Labuan di UMSKAL telah memberikan kesan yang mendalam kepada ibu bapa terbabit," katanya yang hanya mahu menubuhkan pusat itu di UMS Kota Kinabalu.



ALBUM: Taufiq (lima kiri), Prof Dr Murnizam (empat kiri) dan Zamri (lima kanan) bersama kakitangan selepas Majlis Perjumpaan Naib Canselor UMS Bersama Warga UMSKAL.



PERJUMPAN: Taufiq (tengah) mengadakan perjumpaan bersama pengurusan UMSKAL. Turut kelihatan Prof Dr Murnizam (kanan) dan Zamri (dua kanan).